

# Pertemuan mesra, ikhlas

Dr Mahathir jumpa Perdana Menteri selama dua jam di Seri Perdana

Oleh Wan Hazmir Bakar  
dan Abdul Halim Yusoff

**K**UALA LUMPUR: Pertemuan empat mata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dengan Tun Dr Mahathir Mohamad di Kompleks Seri Perdana di Putrajaya petang semalam berlangsung dalam suasana mesra dan ikhlas.

Sepanjang kira-kira satu setengah jam Dr Mahathir meluahkan pelbagai perkara, Abdullah yang hanya bercakap selama kira-kira 20 minit

**“**Banyak yang saya bangkitkan dicatat dalam buku kecilnya seperti buku saya dulu”

Tun Dr Mahathir  
Bekas Perdana Menteri

bagi menjawab beberapa perkara yang ditimbulkan manakala masa yang lain hanya mendengar dan mencatat nota dalam buku kecilnya.

Perdana Menteri tidak mengeluarkan kenyataan berhubung pertemuan itu, sebaliknya Dr Mahathir ketika ditemui berpuas hati dengan pertemuan yang bermula jam 3 petang itu kerana dapat meluahkan segala kemusykilan yang terbuku di hatinya selama ini secara terus kepada Abdullah.

“Saya tak boleh kata saya gem-

pira...(tetapi) saya puas hati kerana dapat mengatakan perkara ini terus kepada beliau. Orang kata saya membuat komen dari luar tetapi sekarang saya sudah berjumpa dengan beliau.

“Bagi saya pertemuan itu berbaloi kerana saya dapat menyatakannya dengan ikhlas seperti yang saya nyatakan kepada orang ramai,” katanya kepada pemberita di kediamannya di Seri Kembangan, dekat sini semalam.

Terdahulu, di Putrajaya, Dr Mahathir dilihat meninggalkan kediaman rasmi Perdana Menteri itu tepat

pada jam 5.10 petang menaiki kereta Mercedes hitam dengan nombor pendaftaran JCJ 3 yang dipandu anaknya, Datuk Mokhzani melalui laluan kecil Kompleks Seri Perdana.

Kedatangan beliau beberapa minit sebelum jam 3 petang itu tidak disedari kumpulan wartawan yang menunggu di pintu masuk utama lain sejak pagi.

Dr Mahathir berkata, antara perkara yang dibangkitkan termasuk isu

LIHAT MUKA 2

## Abdullah banyak catat dalam buku kecil

DARI MUKA 1

pembabitan anak dan menantu Abdullah, pembatalan pembinaan jambatan baru di Tambak Johor, isu Proton, permit import (AP) dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz serta penangguhan pemilihan Umno.

“Banyak yang saya bangkitkan dicatat dalam buku kecilnya seperti buku saya dulu. Boleh dikatakan sepanjang saya bercakap beliau mencatat. Saya harap selepas ini mungkin ada tindakan tertentu akan diambil,” katanya.

Namun, katanya, antara lain Abdullah menjawab berhubung pembabitan anak dan menantunya dalam pentadbiran kerajaan dan menyifatkan tuduhan bahawa Khairy Jamaluddin ‘menghubungi beberapa pihak’ sebagai tidak benar dan akan bertanyakan perkara itu sendiri kepada mereka.

Katanya, Abdullah yang juga Menteri Keselamatan Dalam Negeri menafikan bahawa Malaysia sudah bertukar menjadi ‘negara polis’ sehingga beliau dihalang bertemu dan bercakap dengan ahli Umno.

Ditanya reaksi Perdana Menteri apabila beliau akan terus mengkritik, Dr Mahathir berkata, Abdullah tidak menyatakan apa-apa.

“Sama ada beliau menyatakan ya atau tidak saya akan terus bercakap. Saya akan meneruskannya jika saya berasa sesuatu yang dilakukan adalah untuk kebaikan negara,” katanya.

Dr Mahathir berkata, beliau juga tidak meminta Abdullah memberi maklum balas atau jaminan terhadap perkara diluahkan dalam pertemuan itu.

“Saya di sana bukan untuk berbalah... saya cuma mahu menjelaskan perkara yang saya tidak senang. Kita lihat apa yang akan berlaku kelak,” katanya.

Ditanya sama ada akan ada lagi pertemuan dengan Abdullah, Dr Mahathir berkata, beliau tidak menyatakan apa-apa mengenainya.

“Tetapi Abdullah ada menyatakan bahawa adalah baik jika saya datang dan bertemu beliau lagi,” katanya.